

14/11/2001

Lim nafi nomini Mokhzani

PEMEGANG saham utama Pantai Holdings Bhd (Pantai), Datuk Lim Tong Yong, menafikan tuduhan yang mendakwa kononnya beliau ialah nomini kepada Datuk Mokhzani Mahathir.

"Saya sudah membayar dan mendaftarkan saham terus kepada nama saya. Saya terkejut apabila orang masih ragu-ragu mengenai perkara ini," kata Lim yang kini Ketua Eksekutif Pantai.

Mokhzani yang juga anak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 April lalu mengumumkan melepaskan semua kepentingan perniagaannya dalam usaha menangkis tuduhan mengenai nepotisme terhadap beliau.

Beliau kemudian menjual semua kepentingannya dalam Pantai iaitu sebanyak 32.81 peratus bernilai RM60 juta kepada Lim yang juga pemegang saham utama Paos Holdings Bhd (Paos), pengilang sabun yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Jangan perkecilkan keupayaan saya (untuk memiliki saham Pantai)," kata Lim sambil menegaskan bahawa pembelian itu dibiayai menggunakan asetnya sendiri dan pinjaman bank.

Difahamkan, beliau mencagarkan sebahagian daripada 50 peratus kepentingan sahamnya dalam Paos untuk mendapatkan pembiayaan bagi pembelian itu.

Pembelian itu juga menyaksikan Lim mendapat hak pegangan utama Avenue Assets Bhd dan Tongkah Holdings Bhd (Tongkah) setiap satu sebanyak 22.8 peratus dan 14.86 peratus menerusi Pantai.

Avenue Assets adalah pemilik saham utama Phileo Allied Bhd dan Eastern & Oriental Bhd.

Mengenai rasional penyertaan dalam syarikat selain daripada Paos, Lim berkata: "Saya membuat keputusan untuk menyertai industri yang pantas berkembang serta mempunyai peserta yang sudah dikenali dan ini bermakna saya bersedia untuk mengambil peluang dalam setor itu."

Ditanya siapakah yang memulakan langkah mengenai pembelian Pantai, kata Lim beliau mengetahui hasrat Mokhzani keluar daripada dunia korporat daripada sumber pasaran dan memulakan rundingan yang berlangsung dua bulan.

Walaupun harga belian RM2.80 sesaham itu dilihat sebagai agak mahal ketika itu, Lim berkata, harga pasaran syarikat itu ketika ini berlegar sekitar RM4. Pantai ditutup pada RM3.98 sesaham.

(END)